



KELAB INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)



LAPORAN AKTIVITI **SESI PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI KEPADA** **KAKITANGAN PERKHIDMATAN KUMPULAN SOKONGAN II INSTUN**

Tarikh : 19 Jun 2020
Tempat : Perpustakaan INSTUN

Penaung Kelab INSTUN, Puan Norehan binti Omar telah berbesar hati menyampaikan sumbangan Aidilfitri yang berupa hamper barangan makanan daripada Syarikat Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd kepada Kakitangan Perkhidmatan Kumpulan Sokongan II INSTUN. Turut hadir pada sesi ini ialah Yang DiPertua Kelab INSTUN, Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor dan Setiausaha Kelab INSTUN, Sr Siti Arifah binti Abdul Kader. Seramai 19 orang Kakitangan INSTUN daripada klasifikasi perkhidmatan ini menerima sumbangan daripada Kelab INSTUN.

Pada sesi ini, pihak Kelab INSTUN hanya menjemput 5 orang daripada penerima untuk hadir menerima sumbangan ini berikutan amalan norma baharu pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada masa kini iaitu pengurangan orang untuk berhimpun pada satu-satu masa. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak menjayakan sesi ini.

